

Noor Mohamad  
Shakil Hameed

# Pulanglah berkhidmat untuk negara

su rakyat kita bekerja di luar negara bukan perkara baharu, malah boleh dikatakan bila ngannya terus bertambah dari semasa ke semasa. Antara punca dikenal pasti ialah mereka mendapat peluang pekerjaan lebih baik dan berpadanan dengan kelayakan serta mendapat tawaran gaji menarik dan sukar untuk ditolak. Di samping itu ada juga segelintir terpaksa berhijrah mengikut keluarga mahupun pasangan.

Apapun secara keseluruhannya negara mengalami kerugian besar akibat masalah *brain drain* ini kerana kita kehilangan pakar dan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang sepatutnya membantu membangunkan negara sendiri. Justeru kita perlu melihat isu ini dengan lebih serius supaya dapat menarik balik mereka kembali berbakti kepada tanah air sendiri.

Dalam konteks ini, kita lihat Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) dipertanggungjawabkan untuk mengadakan pelbagai program supaya dapat menarik tenaga mahir pulang ke tanah air. Diumlumkan program disediakan termasuklah untuk golongan profesional dan pelajar yang masih meneruskan pengajian di luar negara.

Antara program menarik golongan profesional ialah Program Kepulangan Pakar (REP) dan KNOWMADS. REP antara lain menawarkan insentif kewangan dan kehidupan lebih menarik bagi membantu rakyat kita yang mempunyai kepakaran di luar negara kembali ke negara ini. Manakala KNOWMADS pula adalah rangkaian rakyat Malaysia di luar negara yang mahu menyumbang kepada pembangunan negara menerusi jaringan kenalan, dana pelaburan, nasihat, khidmat rundingan, akses kepada pasaran, jaringan perniagaan serta pemindahan teknologi.

Untuk golongan pelajar khususnya tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) disediakan program Scholarship Talent Attraction and Retention (STAR) bagi membolehkan mereka bekerja dengan syarikat swasta apabila tamat belajar kelak. Pada masa sama mereka boleh memenuhi tuntutan tajaan masing-masing di mana sebelum ini mereka perlu berkhidmat dengan sektor awam sahaja. Malah, program cuti semester juga disediakan bagi membolehkan pelajar mendekati industri pekerjaan.

Di samping itu, menyedari isu tawaran gaji selalu menjadi persoalan utama, pihak kerajaan dikatakan sedang mengkaji gaji bulanan minimum khas untuk golongan pakar iaitu dalam lingkungan RM4,000 hingga RM5,000 dalam usaha menarik minat mereka bekerja di sini.



Jadi jelas di sini, pihak kerajaan berusaha keras menarik sebanyak mungkin golongan profesional dan tenaga kerja mahir yang berkhidmat di luar negara untuk kembali berkhidmat dalam negara. Maka besar harapan agar rakyat kita ini mempertimbang dan menerima tawaran disediakan kerajaan ini.

Kita memahami situasi dan keperluan golongan ini, misalnya situasi di mana mereka sudah lama menetap di negara luar, memperoleh gaji menarik dan ada yang sudah berumur. Jadi sudah semestinya akan ada pelbagai keresahan dan kebimbangan serta pertimbangan apabila tiba-tiba mahu kembali ke negara dan menetap serta bekerja di sini. Antara kerisauan golongan ini ialah apakah syarikat sanggup mengambil mereka bekerja dalam keadaan umur sema-

kin lanjut serta apakah gaji bakal diterima mampu menampung keperluan mereka sama seperti sebelum ini? Maka dalam isu ini, pihak kerajaan perlu memainkan peranan penting supaya dapat memberi keyakinan dan jaminan kepada mereka. Misalnya, kita perlu pastikan mereka sudah ada tawaran kerja yang terjamin dengan tawaran gaji yang menarik mengambil kira kelayakan dan pengalaman mereka sebelum pulang ke tanah air. Kita tidak mahu setelah kembali ke dalam negara mereka terpaksa mencari kerja dengan sendiri atau memohon kerja sama seperti graduan yang baru menamatkan pengajian. Ini sangat tidak wajar dan perlu dielak.

Dalam hal ini perlu berlaku unsur penawaran memenuhi per-

mintaan. Apa yang kerajaan tawarkan perlu memenuhi sekurang-kurangnya permintaan minimum untuk mereka memulakan kehidupan baru di negara ini kelak. Jika itu tidak berlaku kemungkinan besar mereka tidak akan pulang untuk berkhidmat di sini. Sebagai balasan kita harapkan mereka dapat membantu membangunkan negara dan masyarakat. Biar mereka bersetuju kembali ke negara dalam persekitaran yang seronok dan sukarela. Ringkasnya, perlu ada persetujuan bersama dalam konteks situasi menang-menang (*win-win situation*).

Pada masa sama kita juga berharap pelajar yang belajar di luar negara akan terus kembali ke negara setelah tamat pengajian untuk menabur bakti di negara sendiri. Jangan terus tinggal di sana untuk bekerja serta memulakan kehidupan, negara dan rakyat sedang menunggu dan sangat memerlukan sumbangan anda. Jangan jadikan gaji lumayan dan kehidupan selesa sebagai alasan kerana bukan itu saja yang menjadi ukuran dalam kehidupan kita secara keseluruhannya.

Jujurnya tatkala kita berusaha menjadi negara maju melalui acuan kita sendiri, sumbangan dan peranan anak tempatan seperti ini sangat dituntut kerana kita mahu membangunkan negara mengikut cita rasa, kehendak dan keperluan kita sendiri. Biar kita bina negara ini dengan tangan kita sendiri. Se-

dar atau tidak akibat daripada 'brain drain' ini kita terpaksa bergantung harap kepada pekerja asing dan majoriti daripada mereka bukanlah golongan profesional yang kita perlukan sebaliknya kategori berkemahiran rendah. Di samping itu kemasukan pekerja asing secara beramai-ramai bukan saja memberi pelbagai implikasi dan masalah sosial tetapi turut memberi kesan kepada sektor ekonomi di mana berlaku pengeliran keluar wang negara apabila mereka mengirim wang kepada keluarga di negara masing-masing.

Oleh itu besar harapan kita agar masalah ini dapat diatasi dengan segera. Kita merayu agar rakyat kita pulang segera untuk menabur bakti ke tanah air sendiri. Walauapun pada peringkat awal mungkin akan hadapi sedikit kesukaran untuk menyesuaikan diri, untuk jangka panjang nikmat yang bakal diperoleh terlalu banyak dan sukar untuk digambarkan. Ini adalah tempat lahir dan tanah tumpahnya darah kita. Korbarikan sedikit keselesaan demi berbakti kepada negara sendiri. Jangan lupa kepada pepatah, hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri. Ayuh mari kita bersama-sama membangunkan negara dan rakyat kita. Kalau bukan kita, siapa lagi?

**Penulis Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia**

## Dialog Kotaraya

**Kuala Lumpur:** Misteri pokok petai yang mengeluarkan air pada waktu malam Kampung Petani, Kota Bharu, Kelantan yang mencetus fenomena berlaku berpunca daripada serangga yang dikenali sebagai Cicada atau Riang-riang.

- Prof Dr Abdul Hamid Ahmad Ahli Zoologi dari Universiti Malaysia Sabah (UMS)

LA... RUPANYA AIR KENCING RIANG-RIANG!

TAK PASAL-PASAL KENA 'KENCING'!

Oleh Juragan

